

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI CHE MAT
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 27 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah import dan eksport tenaga elektrik dari dan ke negara jiran melalui *interconnection* yang ada sepanjang tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Ketika ini terdapat dua sambungan talian penghantaran antara Malaysia dan Thailand iaitu di Bukit Keteri, Malaysia – Sadao, Thailand dengan kapasiti pembekalan sebanyak 85MW dan antara Gurun, Malaysia dengan Klong Ngae, Thailand dengan kapasiti 300MW. Selain itu, Malaysia juga mempunyai sambungan talian penghantaran dengan Singapura melalui talian daripada Plentong, Malaysia ke Jurong, Singapura yang lebih berfungsi untuk kestabilan sistem sedia ada dan konsep '*economic exchange*', dengan izin, kepada sistem grid nasional.

2. Bagi tahun 2014, jumlah import tenaga elektrik dari Thailand adalah sebanyak 22.1 GigaWatt jam (GWj) atau sebanyak RM18.6 juta, manakala jumlah eksport tenaga elektrik ke Thailand adalah sebanyak 16.48 GWj atau sebanyak RM14.7 juta. Bagi tahun ini, Malaysia tidak mengeksport atau mengimport sebarang tenaga elektrik ke atau dari Singapura.

- 3.9j

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN : 38

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama peserta, jumlah bilangan, destinasi, kos dan tujuan bagi setiap lawatan bagi para Menteri, Timbalan Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai tertinggi penjawat awam yang diberi lawatan rasmi ke luar negara berhubung dengan kes insiden pesawat Malaysia Airlines MH370 dan MH17 masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai nama peserta, jumlah bilangan, destinasi, kos dan tujuan bagi setiap lawatan para Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai tertinggi penjawat awam yang diberi lawatan rasmi ke luar negara berhubung kes insiden pesawat *Malaysia Airlines* MH370 dan MH17 adalah seperti berikut:

(1) Kementerian Pengangkutan (MOT)

YB. Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan, YB. Datuk Abd. Aziz Kaprawi, Timbalan Menteri Pengangkutan, YBhg. Datuk Seri Long See Wool, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Dato' Azharuddin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) bersama beberapa orang pegawai kanan dan pegawai penyiasat, telah mengadakan lawatan ke negara-negara seperti berikut:

- (i) Kiev, Ukraine dan Hague, Belanda bagi mengadakan perbincangan berhubung tragedi MH17 dengan pihak berkuasa di kedua-dua negara tersebut;
- (ii) Beijing, China dan Canberra dan Perth, Australia bertujuan untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin negara Australia dan China bagi usaha-usaha pencarian MH370 serta keperluan aset-aset baru bagi pencarian MH370; dan

- (iii) Amerika Syarikat dan Kanada bertujuan untuk mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat dan menghadiri Sesi Ke-203 Majlis *International Civil Aviation Organization* (ICAO) di Kanada bagi membincangkan nahas udara pesawat MH370 dan MH17 serta isu-isu berkaitan keselamatan penerbangan awam.

Keseluruhan kos perbelanjaan bagi lawatan-lawatan di atas adalah sebanyak RM1,218,747.00.

(2) Kementerian Pertahanan (MINDEF)

YB. Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein, Menteri Pertahanan, YB Datuk Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Dr Rothiah binti Hj Omar, Timbalan Ketua Setiausaha Perolehan MINDEF, YBhg. Datuk Zulkifli bin Abdul Karim, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MINDEF, Jeneral Tan Sri Zulkifeli bin Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera bersama delegasi telah mengadakan lawatan ke negara-negara seperti berikut:

- (i) Ukraine, Rusia dan Belanda bertujuan untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin negara-negara tersebut berhubung jaminan keselamatan kumpulan penyiasat antarabangsa memasuki kawasan nahas di Donetsk sebelum bermulanya musim sejuk; dan
- (ii) China dan Australia bertujuan untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin negara Australia dan China

bagi usaha-usaha pencarian MH370 serta keperluan aset-aset baru bagi pencarian MH370.

Keseluruhan kos perbelanjaan bagi lawatan-lawatan di atas adalah sebanyak RM1,057,923.00.

(3) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun telah mengadakan lawatan ke Beijing, China bagi membincangkan isu-isu berhubung waris keluarga mangsa (Next-of-Kins) tragedi MH370. Keseluruhan kos perbelanjaan lawatan beliau adalah sebanyak RM11,642.00.00.

(4) Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri dan Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara telah mengadakan lawatan ke Ukraine bertujuan untuk tugas-tugas penyiasatan dan mengumpul bahan bukti berhubung tragedi MH17 dengan kos sebanyak RM223,277.00.

(5) Kementerian Kesihatan (KKM)

YB. Datuk Seri S. Subramaniam, Menteri Kesihatan bersama delegasi telah mengadakan lawatan ke Belanda bersama YAB Perdana Menteri berhubung pakar-pakar DVI (*Disaster Victim Identification*) yang dihantar ke sana bagi membantu pihak berkuasa Belanda mengenal pasti mangsa tragedi MH17. Kos lawatan ini adalah sebanyak RM156,000.00.

(6) Jabatan Perdana Menteri (JPM)

YB. Datuk Ir Dr. Wee Ka Siong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan delegasi telah mengadakan lawatan ke Hague, Belanda bertujuan untuk pengurusan tatacara pengebumian bagi jenazah bukan Islam tragedi MH17 dengan kos sebanyak RM200,000.00.